

26/01/2000

Umno Pulau Pinang sokong Dr M, Abdullah

GEORGETOWN, Selasa - Umno Pulau Pinang bersetuju sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei depan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan negeri, Datuk Seri Mohd Shariff Omar, berkata semua bahagian Umno, Pemuda dan Wanita bersetuju agar dua jawatan itu tidak dipertandingkan seperti disarankan Majlis Tertinggi.

Beliau berkata, semua 11 bahagian di Pulau Pinang akan mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden Umno dan Abdullah sebagai timbalannya.

"Insyallah semua bahagian akan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah dalam mesyuarat bahagian masing-masing Mac ini," katanya selepas mempengerusi mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, bagi membincangkan mengenai perkara itu di Hotel Equatorial di sini, petang ini.

Mesyuarat sebelum itu dipengerusikan oleh Abdullah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri. Bagaimanapun, Abdullah keluar sebentar dari bilik mesyuarat bagi membolehkan ahli jawatankuasa lain membincangkan mengenai perkara itu.

Abdullah ketika diminta reaksinya berhubung sokongan itu, berkata beliau menghargai sokongan yang diberikan oleh Badan Perhubungan Umno negeri dan mengucapkan terima kasih.

(END)